

SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@lth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

Tabung Haji Anjur Kursus Perdana Haji Musim 1435H/2014M Peringkat Negeri Perak

TAIPING, Sabtu, 9 Ogos 2014: Lembaga Tabung Haji (**TH**) menganjurkan Kursus Perdana Haji Musim 1435H/2014M Peringkat Negeri Perak yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Besar Perak di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), di sini. Kursus ini berlangsung selama dua (2) hari bermula hari ini sehingga Ahad, 10 Ogos 2014.

Kursus Perdana Haji Musim 1435H/2014M bagi semua negeri di seluruh negara dianjurkan secara berperingkat bermula pada 8 Ogos sehingga 23 Ogos 2014. Kursus dianjurkan dimulai oleh Negeri Terengganu dan disusuli oleh negeri-negeri lain iaitu Sabah (Zon Pantai Barat), Wilayah Persekutuan, Perak, Pahang, Pulau Pinang, Selangor, Perlis, Johor, Kelantan, Kedah, Sabah (Zon Pantai Timur), Sarawak (Zon Sibul), Negeri Sembilan, Melaka, Sarawak (Zon Kuching) dan Sarawak (Zon Miri).

Kursus Perdana Haji merupakan kursus terakhir kendalian **TH** dalam usaha meningkatkan tahap pengetahuan berkaitan ibadah haji serta memberikan maklumat terkini sebelum bakal jemaah haji mereka berangkat ke Tanah Suci.

Para bakal jemaah diberikan pendedahan melaksanakan ibadat haji melalui latihan amali secara simulasi seperti bertawaf, saie, melontar jamrah serta amalan-amalan secara berkumpulan. Simulasi berkumpulan ini memberikan pendedahan terhadap situasi di Tanah Suci yang akan dikunjungi oleh jutaan umat Islam dari seluruh dunia.

Pihak **TH** berharap para bakal jemaah melaksanakan bersungguh-sungguh latihan ini dengan bimbingan daripada Pembimbing Ibadat Haji **TH**. Sebelum ini, **TH** juga telah melaksanakan beberapa kursus haji seperti Kursus Asas Haji, Kursus Intensif Haji dan Kursus Khas Haji bagi warga emas. Kursus Perdana Haji ini adalah pelengkap kepada proses bimbingan haji kepada para bakal jemaah sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Selain daripada itu, para bakal Jemaah haji juga dinasihatkan untuk membuat segala persediaan lain untuk ke Tanah Suci seperti memantapkan stamina diri dengan melakukan aktiviti riadah dan kecergasan, penjagaan kesihatan melalui pemakanan dan vitamin-vitamin serta penyediaan barangan keperluan yang mencukupi seperti yang disarankan oleh **TH**. Sepanjang berada di Tanah Suci, para bakal haji juga dinasihatkan untuk mematuhi peraturan oleh **TH** dan pihak kerajaan Arab Saudi demi kebaikan bersama.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah Kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 120 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.